

PM perlu segera lantik TPM UMNO

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin wajar mempertimbangkan jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) untuk diberikan kepada salah seorang pemimpin UMNO jika itu dapat melengkapkan kerjasama politik kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar sosiologi dan politik, Prof. Dr. P. Sivamurugan berkata, ini kerana kedua-dua pemimpin tertinggi UMNO iaitu Presiden dan Timbalan Presiden tidak ada sebarang jawatan dalam Kabinet yang dilihat perlu apatah lagi UMNO adalah pemilik kerusi terbesar dalam kerajaan.

"Datuk Seri Mohamad Hasan selaku Timbalan Presiden boleh dipertimbangkan (untuk jawatan TPM) dengan lantikan Senator.

"Ia memandangkan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi selaku Presiden UMNO pernah menyatakan menolak jawatan Kabinet dan mahu menumpu-



Datuk Seri Mohamad Hasan selaku Timbalan Presiden boleh dipertimbangkan (untuk jawatan TPM) dengan lantikan Senator."

P. SIVAMURUGAN

kan kepada PRU-15," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membangkitkan bahawa jawatan TPM tidak pernah didi- amkan kerana UMNO pemilik kerusi terbesar dalam kerajaan ketika ini.

Selain itu, kata Ismail Sabri, tidak ada pemimpin UMNO diberikan jawatan tertinggi

dalam Kabinet melainkan satu daripada empat jawatan menteri kanan yang disandang beliau.

Pergolakan politik antara UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) semakin memuncak apabila Majlis Tertinggi UMNO kelmarin mengu- sulkan untuk menolak kerjasama antara kedua-dua parti itu bagi menghadapi pilihan raya umum ke-15 (PRU-15).

Dalam pada itu, Sivamurugan berkata, kesemua pemimpin parti dalam kerajaan ketika ini sepatutnya menggunakan plat- form Majlis Presiden PN yang ditubuhkan baru-baru ini un- tuk menyelesaikan sebarang isu berbangkit.

Katanya, langkah itu sebagai memudahkan cara dan perbincangan secara dalaman berbanding membenarkan pelbagai pihak menjadi jurucakap dengan mesej yang berbeza dan menge- lirukan.

Beliau menjelaskan, Majlis Presiden juga bertujuan mengu- kukuhkan kerjasama politik ke- rana pertembungan parti-parti ini adalah dalam kerjasama poli- tik yang sama.